

19/10/2003

Barat cuba nafi keganasan Yahudi

UCAPAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Kemuncak ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Khamis lalu, yang berlandaskan kepada hakikat dan fakta sejarah, telah diputarbelitkan oleh media Barat yang mempunyai agenda tersembunyi.

Media Barat menuduh Perdana Menteri sebagai anti-semitik dan mendakwa Dr Mahathir cuba mengajak umat Islam di seluruh dunia melancarkan `perang' terhadap Yahudi.

Natijahnya laporan palsu itu telah mendapat reaksi spontan serta kritikan daripada Kesatuan Eropah (EU), Amerika Syarikat dan Australia, manakala Jerman memanggil diplomat Malaysia ke Berlin untuk mendapatkan penjelasan.

Berikutan salah tafsiran media Barat itu, sidang akhbar Dr Mahathir pada akhir sidang kemuncak OIC ke-10 malam kelmarin, menarik tumpuan sebahagian besar daripada lebih 1,000 media tempatan dan asing.

Perdana Menteri (PM): Persidangan ini sudah sampai ke penghujungnya dan semua bersetuju ia satu persidangan yang berjaya. Sudah pasti anda mungkin mempunyai pandangan yang berbeza tetapi ingin saya nyatakan di sini bahawa ada percubaan untuk memutarbelitkan kata-kata Menteri Luar Malaysia, Datuk Seri Syed Hamid Albar. Beliau dilaporkan meminta maaf berikutan ucapan saya. Dia tidak meminta maaf. Boleh anda ulang apa yang anda katakan sebenarnya? (meminta Syed Hamid menjelaskan sambil ketawa).

Syed Hamid Albar: Saya meminta maaf jika anda salah faham. Seluruh cerita diambil di luar konteks. Saya minta maaf jika pemahaman anda di luar konteks.

PM: Itulah yang beliau katakan. Saya bersimpati jika anda menyalahafsirkan apa yang saya katakan. Apa yang saya katakan dalam ucapan ialah kita harus menghentikan semua keganasan dan pembunuhan serta pengeboman berani mati juga tindak balas besar-besaran. Sebaliknya, kita harus berhenti dan memikirkan apa yang patut kita lakukan.

Dalam erti kata lain, saya menentang keganasan tetapi bahagian ucapan saya ini tidak diberi perhatian. Saya sebaliknya dituduh sebagai anti-semitik. Anda tentu tahu bangsa Arab juga semitik dan sebagai seorang yang anti-semitik, saya juga menentang bangsa Arab, begitu juga Yahudi. Saya menentang kedua-duanya. Apa yang saya nyatakan mengenai Yahudi dan Arab atau Eropah, semuanya berdasarkan fakta. Itu yang berlaku. Itu pandangan saya mengenai apa yang berlaku.

Ada cadangan supaya saya dihalang daripada mengeluarkan kenyataan seumpama ini. Ini adalah bertentangan dengan kebebasan bersuara. Saya agak terkejut ada pihak yang mencadangkan supaya saya dihalang daripada membuat sebarang kenyataan. Banyak pihak yang membuat kenyataan bukan-bukan mengenai kita, mengenai Islam. Mereka menggelar orang Islam sebagai pengganas. Malah, mereka menganggap Nabi Muhammad SAW sebagai pengganas. Mereka membuat kenyataan seperti ini dan mereka lepas.

Tetapi jika anda mengatakan sesuatu yang buruk mengenai Yahudi, anda akan dituduh sebagai anti-semitik. Adakah kita tidak dibenarkan sama sekali untuk mengkritik orang Yahudi jika mereka melakukan kesalahan. Jika orang Islam boleh dituduh sebagai pengganas, sudah tentu mereka yang lain boleh menuduh orang Yahudi sebagai pengganas kerana cara mereka berhadapan dengan masalah ini ialah dengan tindak balas besar-besaran.

Jika anda menyerang mereka, mereka bukan saja akan membunuh orang yang menyerang mereka tetapi juga keluarga mereka, pekan mereka, agama dan

rumah mereka akan dimusnahkan. Ini adalah strategi mereka. Pada mereka cara itu akan menakutkan orang untuk menyerang mereka. Saya tidak fikir cara ini akan berhasil.

Apa yang saya katakan dalam ucapan saya ialah kita patut hentikan semua ini. Kita patut hentikan bunuh-membunuh, kita patut halang orang Yahudi daripada membunuh orang Arab dan orang Arab membunuh orang Yahudi. Kita harus hentikan tindakan ganas seperti yang berlaku di Bali. Kita harus berhenti, berfikir dan memikirkan strategi. Yang jelas, orang Islam sedang ditindas dan mereka berhak memikirkan jalan keluar bagi menghalang orang daripada menindas mereka.

Apakah mereka patut ditindas dan menerima hakikat bahawa sebagai orang Islam, mereka perlu ditindas? Jika orang menggunakan senjata pemusnah terhadap mereka, tidakkah mereka dibenarkan untuk mempertahankan diri? Walaupun tanpa senjata pemusnah sekurang-kurangnya mereka boleh mempertahankan diri dengan apa juga cara yang mereka boleh.

Saya fikir amat tidak adil dan sikap berat sebelah terhadap orang Islam. Anda tidak boleh mengkritik orang Yahudi tanpa dituduh sebagai anti-semetik. Akan tetapi, orang Yahudi dan orang lain boleh menuduh orang Islam pengganas. Ada macam-macam pengganas. Ada pengganas Kristian, pengganas Pesian, Katolik di Kepulauan Utara, Hindu, Buddha dan Jepun. Tetapi apabila mereka bertindak, melakukan perbuatan ganas, tiada siapa yang mengaitkannya dengan agama mereka.

Masalah yang kita hadapi ialah tanah yang dimiliki rakyat Palestin dirampas daripada mereka dan mereka dihalau keluar dari tanah air sendiri, menjadi pelarian sejak 50 tahun yang lalu. Ini adalah fakta sejarah. Adakah kita tidak boleh menyebut perkara ini? Sejarah juga menunjukkan bagaimana Eropah membunuh orang Yahudi. Apa yang berlaku? Mereka lari ke tanah orang Islam. Selepas penaklukan Sepanyol, orang Yahudi berhijrah bersama-sama orang Islam ke utara Afrika dan mereka hidup dengan aman bersama masyarakat Islam di Morocco, Algeria, Tunisia dan Mesir. Ahli falsafah Yahudi, menetap di Mesir dan menghasilkan karya dalam bahasa Arab. Tiada pertelingkahan antara Yahudi dan Islam atau antara Yahudi dan Arab sehinggalah anda mengambil tanah Palestin untuk menyelesaikan masalah orang Yahudi Eropah dengan membentuk wilayah Israel.

Sejak itu, tiada lagi keamanan di Timur Tengah. Ini semua adalah fakta sejarah dan tindakan menghalang saya daripada bercakap mengenai perkara ini meniadakan hak saya untuk bersuara. Oleh itu, ketika saya masih sudi untuk menjawab pertanyaan, tolong jangan memutarbelitkan kenyataan saya. Menteri Luar saya tidak memohon maaf. Saya harap anda jelas sekarang ini. Terima kasih.

Media: Berikutan penjelasan anda tadi, bolehkah anda mengulas mengenai tindakan beberapa pemimpin Barat yang turut melatah dan melenting dengan ucapan anda?

PM: Faktanya ialah kerana kebanyakan mereka bersikap berat sebelah...tidak semua tapi kebanyakan mereka dan mereka fikir sementara wajar bagi mereka mengkritik Islam dan Arab dan tidak wajar untuk mengkritik Eropah dan Yahudi. Nampaknya mereka fikir bahawa mereka adalah orang istimewa, tapi kita tidak fikir mereka begitu. Tidak ada siapa yang istimewa. Jika anda mengkritik kami, kami juga berhak mengkritik mereka dan kita telah melalui sejarah. Kita telah dijajah oleh mereka. Kita telah menerima layanan buruk daripada mereka. Selepas kita merdeka, masih ada usaha untuk menjajah kita semula bukan secara terus, mungkin tidak secara terus menerusi dominasi ekonomi contohnya, menerusi manipulasi mata wang dan cara lain, pastinya setiap masa. Sesetengah negara sengaja dilayan demikian bagi menghukum rakyatnya kerana mereka tidak seperti Barat. Saya bukan anti-Barat, tetapi saya hanya menyatakannya berdasarkan fakta dan saya rasa saya mempunyai hak untuk menyebut fakta seperti juga orang lain.

Media: Sememangnya AP dan CNN tidak memahami bahasa yang digunakan Datuk Seri ketika berucap kelmarin. Akibatnya EU dan beberapa pihak lain mengecam ucapan Datuk Seri dan pihak di Australia pula mengaitkan Datuk Seri dengan Osama bin Laden? Mungkin Datuk Seri mahu mengulas perkara ini.

PM: Saya fikir bahasa yang saya guna itu adalah bahasa Inggeris. Mungkin Inggeris saya tidak bagus sehingga mereka tidak faham.

Nampaknya orang ini tidak menghargai cadangan saya supaya kita perlu hentikan perbuatan ganas. Mereka suka melihat keganasan berterusan. Mungkin ini memberi mereka alasan untuk melancarkan serangan awal. Malah, Australia kini dilantik sebagai Syerif, bukan lagi Timbalan Syerif tetapi Syerif. Saya boleh beri jaminan kepada Australia sekiranya ia berlagak Syerif di negara ini ia akan disifatkan sebagai pengganas dan dilayan sebagai pengganas. Menteri Luar saya menyokong saya dalam isu ini.

Serangan terhadap Syria kini dianggap sah kerana keseluruhan Kongres menyokong serangan awal Yahudi terhadap Syria atas alasan Syria melindungi pengganas. Sebelum ini mereka kata Iraq memiliki senjata pemusnah besar-besaran tetapi sehingga kini tiada apa yang ditemui dan mereka masih berdegil bahawa mereka berhak menceroobh Iraq. Alasan boleh dibuat pada bila-bila masa dan anda boleh kata Syria melindungi pengganas, mungkin ia mahu membuat bom nuklear atau Lubnan mempunyai pemimpin yang tidak disukai mereka. Apa-apa alasan saja mencukupi, walaupun ia tidak benar itu tidak menjadi hal. Malah, apabila Iraq terbukti tidak memiliki senjata pemusnah besar-besaran, mereka masih mengatakan mereka berhak, jadi kenapa perlu ada alasan, serang saja.

Saya meminta maaf kerana bagi saya kredibiliti semua pemimpin ini `zero' kerana mereka akan menyerang hanya kerana ingin menyerang. Zaman penjajahan sudah berakhir tetapi masih ada cara lain memaksa hegemoni mereka terhadap negara yang lebih lemah.

Setakat yang membabitkan kita, sekiranya Syria dikenakan sekatan, sudah menjadi tugas kita membantunya dan saya rasa adalah baik bagi semua negara Islam membantu Syria dari segi perdagangan dan sebagainya.

Media: Syria adalah negara Islam terkini yang dikenakan sekatan ekonomi. Pada pendapat anda wajarkah negara Islam mengambil iktibar darinya dengan memulakan perdagangan sesama mereka.

PM: Jika sekatan dikenakan terhadap Syria, kita tetap bertanggungjawab membantu Syria. Saya rasa adalah baik jika semua negara Islam membantu Syria dengan cara perdagangan atau cara lain.

Media: Di sebalik tuduhan Barat bahawa Datuk Seri anti-semitik, pemimpin OIC telah menunjukkan sokongan kepada anda. Apakah ini menunjukkan umat Islam telah sedar dari lena dan apakah ia menunjukkan OIC telah benar-benar bersatu ketika ini.

PM: Saya merasakan, umat Islam memang menyedarinya dan merasakan seperti apa yang saya nyatakan dalam ucapan saya. Namun sudah tentu setiap orang takut menjadi mangsa dan tidak mampu menyuarakan pandangan mereka. Jadi apabila mereka berupaya menyuarakan pendapat mereka, maka mereka dilabelkan sebagai anti-semetik. Bagaimanapun saya tidak merasakan ia adalah satu halangan, kerana saya hanya ingin menyatakan sesuatu yang saya rasakan betul. Saya percaya ramai yang akan bersetuju dengan pendapat saya. Jadi mereka menyuarakan sokongan kepada saya yang sebenarnya ini juga adalah perasaan mereka.

Media: Saya ada dua soalan. Satu untuk anda (Dr Mahathir) dan satu lagi untuk Abdullah Badawi (Datuk Seri Abdullah Badawi) yang saya dengar akan menggantikan anda bila anda bersara 31 Oktober ini. Malaysia amat menonjol pada peringkat antarabangsa. Apakah anda rasa resipi toleransi kaum di Malaysia boleh diterima oleh ummah secara keseluruhan.

Dan soalan saya kepada bakal Perdana Menteri...jika saya dibenarkan

berkata demikian... apakah anda rasa pertembungan peradaban Barat dan Islam boleh dielakkan menerusi keseimbangan politik dan ekonomi dan apakah ada cukup ruang untuk berbuat demikian atau pertembungan tamadun ini memang tidak dapat dielakkan?

PM: Terima kasih. Bagi kami, apa yang kami lakukan sekarang adalah apa yang diajar oleh agama kami, Islam. Islam mengajar kami bersikap toleransi dengan penganut ajaran lain. Ia disebut di dalam Al-Quran, yang mana orang lain ada agamanya sendiri dan mereka bersembahyang dengan cara mereka, sementara kami dengan cara kami. Mereka ada kepercayaan sendiri dan kami juga ada kepercayaan kami. Jadi kami hanya mengamalkan apa yang agama Islam ajar kepada kami.

Di negara Islam, kecuali mereka diberi layanan tidak adil. Seperti yang saya sebut tadi, negara Islam menerima Yahudi yang telah lari dari Eropah kerana takut dibunuh. Mereka berhijrah ke negara Islam kerana tahu orang Islam bersikap toleransi terhadap Yahudi dan kaum lain. Di kalangan rakyat Palestin ada ramai penganut Kristian dan mereka bertolak ansur. Mereka tidak bersikap berat sebelah. Jadi apa yang kita amalkan di sini sebenarnya ajaran Islam sebenar. Tapi orang Islam seperti juga orang lain akan marah jika mereka ditindas dan dilayan secara tidak adil. Negara lain pun boleh mengamalkan dasar toleransi serupa jika mereka mahu, asalkan mereka tidak melakukan penindasan.

Abdullah: Saya berasa tidak wajar untuk saya menjawab soalan, kerana ini adalah sidang media Dr Mahathir. Bagaimanapun, oleh kerana anda telah tanya, dan dengan kebenaran Dr Mahathir...saya rasa memang sudah berlaku pertembungan peradaban tapi kita mahu melihat ada kerjasama antara kita semua, orang Islam, Eropah dan masyarakat Timur, kerana dialog pada pandangan saya adalah jawapan sebenar bagi mengelak sebarang pertembungan. Ini adalah satu cabaran dan kita tidak mungkin berjaya tetapi sesuatu mungkin boleh dilakukan untuk mengatasinya.

Media: Bangunan tertinggi di dunia sekarang terletak di Taiwan. Apa perasaan anda?

PM: Mereka ada bangunan tertinggi, lebih tinggi dari kita tapi kita ada dua, kita memiliki bangunan berkembar tertinggi di dunia, belum ada yang dapat menandinginya.

Media: Berikutan peningkatan jumlah negara Islam yang menghadapi serangan awal, apakah OIC akan mempertimbangkan serangan terhadap sesebuah negara itu sebagai serangan terhadap semua negara anggota seperti prinsip Nato?

PM: Kita memang menganggap serangan terhadap satu negara anggota sebagai serangan terhadap semua. Tetapi masalahnya, kita tidak mempunyai kapasiti untuk bertindak balas. Kita lemah, dan kita juga berpecah sehingga orang boleh mempermainkan dan membuli kita. Kita perlu mencari jalan lain.

Media: Resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengenai Iraq menggalakkan semua negara anggota PBB menghulurkan bantuan ekonomi kepada Iraq. Apakah Malaysia juga akan membantu pembinaan semula Iraq?

PM: Kita terlalu miskin untuk menghulurkan bantuan, jadi kita hanya akan melihat bagaimana negara kaya membantu dan kita akan memberikan sumbangan mengikut kemampuan.

Media: Forum Perniagaan OIC telah mencadangkan supaya diwujudkan kawasan perdagangan bebas Islam. Apakah anda fikir ini sesuatu yang boleh dicapai memandangkan hakikat bahawa negara Islam sudah sekian lama...bertahun-tahun untuk berbincang mengenai pasaran Islam bersama dan apakah peranan yang boleh dimainkan oleh OIC dalam hal ini?.

PM: Semua negara sekarang membentuk perjanjian perdagangan bebas (FTA) dua hala dan agak munasabah untuk dua negara Islam mempunyai FTA, yang boleh diperluaskan kemudiannya. Ia semuanya bergantung kepada tahap pembangunan mereka. Ia adalah idea yang kita harus fikirkan secara serius.

Media: Berdasarkan laporan Reuters, Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Ronald Rumsfeld enggan mengkritik penolong setiausahanya, Lt Jen William Boykin yang menggambarkan pertempuran tentera Amerika Syarikat dengan radikal Islam sebagai memerangi syaitan, sebaliknya memberi pengiktirafan kepada beliau. Boykin telah memberitahu perhimpunan Kristian bahawa orang Islam tidak menyembah Tuhan sebenar. Apa komen anda?

PM: Inilah dia. Anda tahu jika saya berkata sesuatu yang sah dan benar mengenai orang Yahudi, saya akan dilabel sebagai anti-semitik. Jika mereka menganggap Islam sebagai syaitan, semua itu dianggap wajar. Jadi anda dapat lihat wujud pilih kasih di sini. Pada masa sama, mereka berkata anda tidak patut berkata sesuatu yang tidak baik mengenai Yahudi tetapi boleh kata apa saja mengenai Islam. Ini adalah keupayaan berfikir secara liberal seperti yang berlaku di Barat.

Media: Mengapa di dalam deklarasinya tidak dinyatakan secara khusus mengenai keadaan di Iraq dan konflik Israel-Palestin?

PM: Saya rasa lebih baik untuk anda menjelaskan perkara ini kerana anda yang membacanya (deklarasinya berkenaan) (sambil merujuk ke arah Syed Hamid).

Syed Hamid: Adalah tidak benar untuk mengatakan isu berkenaan tidak disebut secara khusus kerana kita mengeluarkan draf berasingan mengenai Palestin. Mengenai Iraq, berikutan ketetapan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan PBB kita telah memasukkan kenyataan mengenai Iraq dalam komunike akhir.

Media: Pada akhir ucapan anda, ada kalangan pemimpin OIC sendiri mungkin terkejut dengan kritikan yang anda buat. Apa respon mereka? Apa keputusan mengenai jawatan Setiausaha Agung?

PM: Bila menghadiri persidangan Islam, saya rasa hanya membuang masa bagi saya untuk menengking orang lain. Saya lebih suka menilai diri kita sendiri yang menjadi salah satu sebab mengapa saya banyak mengkritik apa yang dilakukan oleh negara Islam. Sudah tentu, saya tidak tahu reaksi mereka kerana mereka tidak ada menyatakan apa-apa kecuali sokongan kepada ucapan saya. Jika anda ada mendengar sebaliknya, saya ingin juga tahu sama ada mereka tidak gembira dengan ucapan saya. Tapi saya tidak akan terkejut jika mereka tidak gembira kerana saya mengkritik mereka.

Anda sendiri tahu hobi buruk saya. Saya mengkritik rakyat saya sendiri, saya mengkritik Umno, orang Melayu, saya mengkritik orang Malaysia dan ada kalanya saya mengkritik diri saya sendiri. Ia adalah perkara yang anda perlu buat. Bila sesuatu itu salah adalah lebih baik untuk kita mengakuinya. Ada orang nampak baik bila di depan, tapi bersikap sebaliknya bila berada di belakang.

Media: Anda tidak pernah gagal untuk menjadi berita utama dengan ucapan yang memberi kesan mendalam, malah dua minggu sebelum anda bersara pun. Apakah trend itu akan berterusan selepas anda bersara? Dalam tempoh dua minggu ini, apakah ada banyak lagi agenda anda dalam Sidang Kemuncak Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) minggu depan?

PM: Seperti yang saya katakan sebelum ini saya mungkin akan lebih bebas membuat kenyataan selepas saya melepaskan jawatan saya sebagai Perdana Menteri.

Sudah pasti jika saya tidak lagi menjadi Perdana Menteri orang tidak akan peduli apa yang saya katakan. Saya lebih bebas untuk berkata mengenai sesuatu perkara yang mungkin tidak disenangi pihak lain.